

[Home](#) / [2025](#) / [July](#) /

Pelajar UiTM Jayakan Program Khidmat Komuniti “Cahaya Komuniti” Bersama Masyarakat Orang Asli Hulu Kuang

**SDG**

03/07/2025 / NOR HISYAM HUSIN



Rawang, 28 Jun 2025 – Seramai 34 orang pelajar Kelas Kokurikulum Khidmat Komuniti (HGD133B), **Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam** bersama seorang jurulatih merangkap Penasihat Program, Encik Nor Hisyam Husin, telah berjaya melaksanakan program khidmat komuniti bertemakan “**Students For Society: Cahaya Komuniti**” di **Kampung Orang Asli Hulu Kuang**, Selangor.

Program ini mendapat sokongan padu daripada **Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA)**

dan bertujuan memupuk nilai keprihatinan serta semangat kesukarelawanan dalam kalangan mahasiswa, di samping memberi pendedahan awal kepada anak-anak Orang Asli tentang kepentingan pendidikan dan peluang masa hadapan.

Rombongan tiba sekitar jam 9.30 pagi, dan disambut mesra oleh komuniti kampung.

Disebabkan keadaan laluan yang sempit, peserta perlu berjalan kaki kira-kira 10 minit ke lokasi utama, sambil menikmati persekitaran hijau dan suasana damai kampung Orang Asli.



Program dimulakan dengan majlis perasmian di Dewan Kampung Hulu Kuang, diikuti aktiviti senaman ringan bersama penduduk. Pelbagai aktiviti menarik telah dijalankan seperti explorace, booth pendidikan untuk kanak-kanak, aktiviti seni, eksperimen sains, dan perkongsian kerohanian — antaranya kisah Israk Mikraj. Semua aktiviti ini dirangka bagi membangkitkan minat anak-anak terhadap pembelajaran secara interaktif dan menyeronokkan.

Selain itu, aktiviti Ziarah Kasih melibatkan kunjungan ke rumah lapan keluarga kurang berkemampuan, di mana sumbangan barang keperluan asas seperti beras dan minyak masak telah disampaikan.

Program turut diserikan dengan aktiviti gotong-royong mengecat pentas dewan, sukaneka bersama kanak-kanak kampung, serta aktiviti silang budaya. Penduduk berkongsi warisan tradisional termasuk cara menyulam tanjak dan permainan tradisional menggunakan bahan semula jadi. Ia memberi peluang kepada pelajar memahami budaya Orang Asli secara lebih dekat.



Menurut **Encik Nor Hisyam**, Penasihat Program:

“Saya berharap program ini dapat membuka minda anak-anak Orang Asli tentang pentingnya pendidikan. Dalam masa yang sama, ia mendidik mahasiswa untuk lebih prihatin terhadap masyarakat dan meningkatkan kemahiran insaniah mereka.”

Ketua Kampung, Encik Zai, turut menzahirkan penghargaan:

“Alhamdulillah, program ini memberi kegembiraan kepada penduduk terutama anak-anak. Terima kasih kepada UiTM dan pasukan Cahaya Komuniti atas usaha murni ini.”

Pengarah Program, Nur Afiqah Hazwani, menyatakan rasa syukur:

“Projek ini bukan sahaja menguji keupayaan kami dalam merancang dan melaksana, tetapi juga mengajar kami nilai kemanusiaan dan kepimpinan. Pengalaman ini sangat bermakna.”

Rahmat, salah seorang anak kampung berkata dengan penuh semangat:

“Kami seronok sangat! Abang dan kakak dari UiTM layan kami dengan baik dan ajar benda-benda baru. Saya pun nak jadi macam mereka satu hari nanti.”

Manakala mahasiswi UiTM, Najjah Saffiya, turut berkongsi:

“Program ini membuka mata saya tentang kehidupan komuniti Orang Asli dan pentingnya kita saling memahami serta membantu. Ia pengalaman yang tidak akan saya lupakan.”

Program ini bukan sahaja memberi manfaat langsung kepada komuniti setempat, malah memperkasa mahasiswa dengan pengalaman dunia sebenar yang memupuk empati, tanggungjawab sosial, dan kefahaman antara budaya. Ia juga selari dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) iaitu:

- SDG 1: Tiada Kemiskinan
- SDG 3: Kesihatan Baik dan Kesejahteraan
- SDG 4: Pendidikan Berkualiti
- SDG 16: Keamanan, Keadilan dan Institusi Kukuh





Tags: [Jabatan Hal Ehwal Pelajar \(JHEP\)](#), [Jabatan Kemajuan Orang Asli \(JAKOA\)](#), [Kampung Orang Asli Hulu Kuang](#), [Kelas Kokurikulum Khidmat Komuniti \(HGD133B\)](#), [Universiti Teknologi MARA \(UiTM\)](#)

UiTM Kuala Pilah Perkasa Pendidikan  
 STEM Sekolah Angkat melalui  
Bengkel Eksperimen Sains

Sejwa Sihat 2025 Kukuh Gaya Hidup  
Sihat Dan Kesedaran Komuniti

## QUICK LINKS

[Ministry of Higher Education](#)  
[Academic Calendar](#)  
[Intake Calendar](#)  
[Graduate Quick Search](#)  
[Library](#)  
[UiTM Holdings](#)  
[WiFi UiTM](#)  
[E-Complaint](#)

## HUBUNGI KAMI

Universiti Teknologi MARA  
(UiTM)  
40450 Shah Alam, Selangor  
Darul Ehsan  
Malaysia  
  
Tel: +603-5544 2051 / 2000

